



TEKS UCAPAN

**YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA**

SEMPENA

**MAJLIS PENYERAHAN SURAT SETUJU TERIMA (SST)
DAN SURAT PELANTIKAN PENGARAH PROJEK
BAGI PROJEK PEMBINAAN PENJARA SIBU, SARAWAK
(REKA DAN BINA) - TENDER SEMULA**

3 FEBRUARI 2026 | SELASA | 9.30 PAGI

<<< Saluti akan diberikan oleh Urusetia pada hari berkenaan>>>

Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI, Salam Segulai Sejalai.

1. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua yang telah menghadirkan diri meraikan Majlis Penyerahan Surat Setuju Terima (SST) bagi Projek Pembinaan Penjara Sibul, Sarawak pada hari ini.
2. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) atas kesudian hadir, serta kepercayaan yang diberikan kepada Kementerian Kerja Raya dan Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia untuk melaksanakan Projek Pembinaan Penjara Sibul secara tender semula ini.
3. Kepercayaan ini mencerminkan hubungan kerjasama strategik yang erat antara kementerian menghayati konsep The Whole of Government Approach dalam meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam rentas kementerian.

4. Sesungguhnya, majlis ini bukan sekadar melambangkan penyerahan Surat Setuju Terima (SST), malah merupakan suatu detik signifikan yang mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan dalam memperkukuh pembangunan prasarana negara secara strategik, mampan dan berdaya tahan.

5. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada kontraktor terpilih yang berjaya memenangi kontrak pembinaan ini. Saya juga ingin mengingatkan kepada kontraktor yang berjaya bahawa tanggungjawab anda bermula dari saat ini. Anda bukan sahaja bertanggungjawab menjaga nama baik Kementerian dan agensi terlibat malah lebih dari itu, anda bertanggung jawab melaksanakan projek ini dengan penuh amanah kerana setiap sen yang dilaburkan adalah wang rakyat dan negara. Saya tidak teragak-agak mengambil tindakan tegas sekiranya pelaksanaan projek ini tidak menepati kontrak dan spesifikasi yang telah ditetapkan.

Hadirin yang dihormati,

6. Kajian dalaman mendapati bahawa 75% daripada kegagalan pengurusan projek adalah disebabkan oleh faktor pengurusan kontraktor. Pengurusan kontraktor ini termasuklah aspek pengurusan projek dan kewangan, pembelian dan menyediakan stok bahan binaan, pengurusan sumber tenaga kerja dan kegagalan SO menguruskan pembayaran menepati kerja yang telah disahkan dilaksanakan mengikut spesifikasi.

7. Inilah cabaran yang saya rasa tidak asing kepada kita, tetapi perlu untuk saya sentiasa mengulanginya agar kontraktor, Pengarah Projek, Supervising Officer dan Kumpulan projek tidak lupa dan lalai. Kita mahu projek ini disiapkan tepat pada masanya atau AOT – Ahead of Time, lebih cepat dari jadual. Lebih lambat ianya siap, lebih lambatlah rakyat menikmati manfaat projek Kerajaan dan dalam hal ini mengurangkan kesesakan di penjara-penjara Malaysia.

8. Cabaran yang saya hendak lontarkan ialah saya mahu projek ini menjadi sebahagian dari kategori Projek Sifar Sakit, Sifar Tergendala, Sifar EOT dan Sifar Kemalangan di tapak.

9. Saya melihat ini sebagai satu cabaran strategik bagi kontraktor dan pasukan projek untuk melaksanakan kerja dengan tahap

profesionalisme dan ketekunan yang tinggi serta penuh integriti dan rasa tanggungjawab kepada rakyat dan negara.

10. Pesanan saya kepada JKR terutama Pengarah dan Pasukan Projek supaya memantau secara rapi projek ini dari permulaan, pertengahan dan penghujungnya hingga siap. Laksanakan libat urus setiap masa dan pastikan bayaran dibuat mengikut perjanjian dan pengesahan kerja yang lengkap. Saya tidak mahu dengar projek ini jadi bermasalah lantaran pengarah dan pasukan projek tidak membantu dan bekerjasama terutama dalam memastikan bayaran juga dibuat on-time. Falsafah kita ialah Facilitate and Dont Strangulate, Kejayaan Kontraktor Kejayaan Kita Bersama.

11. Pengarah dan Pasukan Projek mesti sentiasa mengambil pendekatan proaktif dalam memantau dan menangani sebarang isu di tapak dengan segera sebagaimana mantra kita di tahun 2026 'Sense of Urgency' atau Tangkas Bertindak bagi memastikan projek dilaksanakan dengan lancar dan berkesan. Kejayaan setiap projek bergantung kepada komunikasi yang jelas, berstruktur, dan berkesan di antara semua pihak yang terlibat.

12. Dengan komitmen dan perancangan yang rapi, saya yakin bahawa pihak kontraktor yang menerima Surat Setuju Terima (SST) pada

hari ini tergolong dalam kalangan yang terbaik dan berwibawa, mampu mengekalkan momentum pelaksanaan kerja serta menghasilkan hasil yang berkualiti tinggi dan memenuhi standard yang ditetapkan.

Hadirin Sekalian,

13. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi ingin merakamkan tahniah dan Selamat Maju Jaya kepada pihak kontraktor yang menerima Surat Setuju Terima (SST) pada hari ini. You are now being watched and monitored. Pembangunan infrastruktur negara merupakan nadi penting dalam memacu pertumbuhan ekonomi, perpaduan rakyat, serta kemakmuran dan kesejahteraan bersama dan kita semua yang diberi tanggungjawab haruslah melaksanakan amanah ini dengan sempurna.
14. Akhir kata, saya dengan ini merasmikan Majlis Penyerahan Surat Setuju Terima bagi Projek Pembinaan Penjara Sibu, Sarawak (Reka dan Bina) - Tender Semula.

Sekian, terima kasih.